

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BIL. 1/1995

**PERMOHONAN PEMILIKAN TANAH OLEH WARGANEGARA ATAU
SYARIKAT ASING (SEKSYEN 433 B KANUN TANAH NEGARA)
YANG TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN DAN
PERMOHONAN YANG KENA TOLAK**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan seperti yang tuan maklum Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.1/94 telah menghuraikan tatacara permohonan Warganegara dan Syarikat Asing untuk mendapatkan tanah atau sesuatu kepentingan tanah di Negeri Selangor. Di bawah peraturan tersebut, Pihak Berkuasa Negeri telah menurunkan kuasanya kepada Pengarah Tanah dan Galian bagi meluluskan atau menolak sesuatu yang diterima.

2. Beberapa pertanyaan telah ditimbulkan mengenai permohonan yang tidak selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dan langkah membuat rayuan bagi permohonan yang telah ditolak. Adalah dijelaskan disini bahawa sekiranya sesuatu permohonan itu tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan itu, maka ianya hendaklah terus diterima, diproses dan dikemukakan ke pejabat ini. Walau bagaimanapun dalam pandangan dan syor Pentadbir Tanah perlulah dinyatakan dengan terang bahawa permohonan itu tidak memenuhi garis panduan dan diperakukan tolak. Bagi permohonan yang melibatkan keputusan bicara kuasa (pesaka), maka peraturan yang sama adalah terpakai tetapi Pentadbir Tanah bolehlah menggunakan budi bicaranya apabila membuat perakuan dan syornya.

3. Bagi permohonan yang telah ditolak, maka pemohon dibolehkan membuat rayuan. Keputusan muktamad akan dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri. Setiap rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pemohon dengan menyatakan dengan jelas sebab-sebab rayuan dibuat. Satu kertas ringkasan perlulah disediakan dengan Pentadbir Tanah memberimilikan pandangan dan syornya. Borang permohonan asal tidak perlu dikepilkhan bersama tetapi butir-butir pemohon seperti yang terdapat di dadalam borang induk hendaklah dinyatakan dalam kertas ringkasan tersebut.

4. Sekian diharapkan dapatlah kiranya penjelasan ini dijadikan panduan kepada semua Pejabat Tanah.

Sekian, terima kasih.

TT
(HAJI MD. YUSUP BIN BADUL)
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,

Selangor Darul Ehsan.

- Edaran Dalam :- Penolong Pengarah Tanah dan Galian I, II & III
- Ketua Kerani Tanah
 - Kerani Pindahmilik